



PERATURAN SARAWAK REGATTA 2026

“Race for Harmony”

30 Oktober 2026 – 1 November 2026

BIL.	PERATURAN REGATTA SARAWAK 2026	MUKASURAT
1.0	KELAYAKAN	2
2.0	KEMASUKAN, BORANG PENYERTAAN & SYARAT UMUM	2-4
3.0	SYARAT UMUM PENYERTAAN	4-5
4.0	KATEGORI PERLUMBAAN DAN YURAN PENYERTAAN	5-6
5.0	SENARAI PENYERTAAN	6
6.0	BANTAHAN PENYERTAAN	6-7
7.0	INSURAN	7
8.0	UNDIAN	7
9.0	JENIS-JENIS PERAHU	7
10.0	IDENTIFIKASI PERAHU	8
11.0	LALUAN PERLUMBAAN & LORONG	8-9
12.0	PENETAPAN KE AKHIR BAGI ACARA SARINGAN	9
13.0	JAKET KESELAMATAN, PAKAIAN DAN LARANGAN UMUM	9
14.0	PENYALAHGUNAAN DADAH DAN PENGARUH ALKOHOL	10
15.0	PEGAWAI PERLUMBAAN	10
16.0	PENGERUSI JAWATANKUASA TEKNIKAL SARAWAK REGATTA	10
17.0	PERJALANAN PERLUMBAAN [UMUM]	11-12
18.0	PERATURAN LIMA BELAS (15) MINIT	12
19.0	ZON LARANGAN MEMOTONG	12-13
20.0	KOD ETIKA / TATACARA KELAKUAN	13
21.0	LARANGAN DAN KESALAHAN	14-15
22.0	ADUAN DAN BANTAHAN	15-17
23.0	KUASA DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TEKNIKAL SARAWAK REGATTA	17
24.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB HAKIM	18
25.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UMPIRE	19
26.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MARSHAL	19-20
27.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB STARTER [PELEPAS]	20-21
28.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS PASUKAN	21-22
29.0	PEMBERITAHUAN	22
30.0	TANGGUNGJAWAB / LIABILITI	22
31.0	DEFINISI DAN TAKRIFAN	23-24
32.0	PEMBATALAN / REPEAL	24
33.0	SYARAT-SYARAT & PERATURAN TAMBAHAN	25-28

1.0 KELAYAKAN

- 1.1 Pekayuh [lelaki atau perempuan] yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas pada 31 Disember tahun Sarawak Regatta diadakan serta sihat tubuh badan adalah layak dan dibenarkan untuk menyertai Sarawak Regatta. Bagi pekayuh yang berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun, sila rujuk Peraturan 33.5.
- 1.2 Terdapat dua (2) kategori untuk acara-acara yang akan dipertandingkan iaitu: -
 - 1.2.1 **KATEGORI TERBUKA**, iaitu acara-acara dalam kategori ini boleh disertai oleh **warganegara Malaysia** atau **warganegara asing**; dan
 - 1.2.2 **KATEGORI TEMPATAN** iaitu acara-acara dalam kategori ini hanya terbuka kepada **warganegara Malaysia sahaja**.

2.0 KEMASUKAN & BORANG PENYERTAAN

- 2.1 Borang Penyertaan Rasmi Sarawak Regatta 2026 adalah **percuma** dan boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Lembaga Sungai-Sungai Sarawak bermula **1 September 2026**. Manakala yuran pemprosesan bagi setiap Borang Penyertaan adalah **RM10.00** untuk setiap pendaftaran acara perlumbaan.
- 2.2 Pendaftaran penyertaan Sarawak Regatta 2026 akan dibuka mulai **1 Oktober 2026** dan tarikh tutup pendaftaran penyertaan ialah pada **15 Oktober 2026 pada atau sebelum jam 12.00 tengahari**.
- 2.3 Mana-mana pasukan boleh menyertai mana-mana acara yang dipertandingkan, **TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT** seperti berikut; -
 - 2.3.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan menghantar **maksimum dua (2) penyertaan sahaja** bagi setiap acara yang mempunyai saringan;
 - 2.3.2 Bagi **Acara Antara Bahagian**, setiap pasukan hanya boleh mewakili **satu (1) Bahagian sahaja**;
 - 2.3.3 Bagi **Acara Akhir** (tiada melibatkan acara saringan), tiada had penyertaan dikenakan namun bergantung kepada jumlah lorong yang dibuka. Untuk Acara Perahu Kenyalang, jumlah maksimum

penyertaan adalah **sepuluh (10) sahaja**. Manakala bagi Acara Bidar 30 Terbuka Marathon 3km, jumlah maksimum penyertaan adalah **dua puluh (20) sahaja**.

- 2.4 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan **Borang Penyertaan Rasmi Sarawak Regatta 2026**.
- 2.5 Semua Borang Penyertaan beserta yuran penyertaan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Sarawak Regatta pada atau sebelum tarikh tutup dengan menggunakan **Borang Penyertaan Rasmi Sarawak Regatta 2026**. Manakala dokumen sokongan boleh dihantar bersama Borang Penyertaan Rasmi ataupun dikemukakan melalui faksimili atau secara serahan terus kepada Urusetia Sarawak Regatta **pada 15 Oktober 2026 sebelum jam 12 tengahari**.
- 2.6 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta berhak menolak mana-mana penyertaan sekiranya: -
- (a) mana-mana borang penyertaan yang lewat dikemukakan;
 - (b) Borang penyertaan tidak lengkap;
 - (c) Borang penyertaan yang tidak disertakan dengan yuran penyertaan selepas tarikh tutup penyertaan; dan
 - (d) gagal mengemukakan dokumen sokongan pada atau sebelum tarikh akhir yang telah ditetapkan.
- 2.7 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta juga berhak menolak mana-mana borang penyertaan sekiranya slot untuk acara tersebut telah penuh. Mana-mana slot untuk sesuatu acara yang mana penyertaan pasukan tersebut dibatalkan atau pasukan menarik diri, maka slot dianggap kosong dan boleh diisi oleh pasukan yang lain dan borang penyertaan haruslah dikemukakan sebelum tarikh/masa tutup penyertaan.
- 2.8 Borang Penyertaan hendaklah disahkan dan ditandatangani sama ada oleh Pengurus Pasukan atau Pemilik Pasukan atau oleh wakil yang dilantik secara bertulis oleh Pengurus Pasukan atau Pemilik Pasukan. Sesalinan surat perlantikan wakil hendaklah dimajukan bersama Borang Penyertaan.
- 2.9 Mana-mana penyertaan yang telah dibatalkan oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta atas sebab pelanggaran mana-mana **Peraturan Sarawak Regatta 2026** atau mana-mana pasukan yang menarik diri setelah tarikh tutup penyertaan, yuran penyertaan dan yuran proses **Tidak Akan Dikembalikan**.

- 2.10 Yuran penyertaan bagi mana – mana acara yang dibatalkan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta ekoran kurangnya penyertaan akan dikembalikan.

3.0 SYARAT UMUM PENYERTAAN

- 3.1 Bagi acara **KATEGORI TEMPATAN**, tarikh akhir penyerahan senarai nama pekayuh yang lengkap, termasuk nama dan nombor kad pengenalan pekayuh, bagi setiap acara yang disertai kepada Urusetia Sarawak Regatta adalah pada atau sebelum 15 Oktober 2026 (Khamis).
- 3.2 Semua senarai nama pekayuh hendaklah disahkan oleh Pengurus Pasukan atau wakil yang diberi kuasa. Sebarang pertukaran pekayuh sebelum atau semasa perlumbaan adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam kes pekayuh yang telah disenaraikan tidak sihat atau gagal hadir pada hari perlumbaan.
- 3.3 Pengurus Pasukan hendaklah mengemukakan nama pekayuh pengganti sekurang-kurangnya satu (1) jam sebelum perlumbaan bagi sesuatu acara dimulakan.
- 3.4 Kegagalan pihak Pengurus Pasukan untuk mematuhi peraturan ini akan menyebabkan penyertaan pasukan berkenaan dibatalkan. Sekiranya pasukan tersebut telah memperoleh kemenangan, kemenangan tersebut juga akan dibatalkan bagi acara berkenaan.
- 3.5 Bagi acara **KATEGORI TERBUKA** (kecuali Acara Perahu Kenyalang IPTA/ IPTS), penyerahan senarai nama pekayuh adalah **Tidak Diwajibkan**. Walau bagaimanapun, Pengurus Pasukan digalakkan untuk mengemukakan senarai nama pekayuh, termasuk **nombor pasport atau nombor kad pengenalan**, bagi tujuan rekod dan rujukan Urusetia Sarawak Regatta, khususnya bagi kes-kes tuntutan insurans akibat kemalangan yang berlaku semasa penyertaan dalam regatta.
- 3.6 Bagi acara yang melibatkan **Kementerian, Agensi, GLC atau Swasta**, senarai nama pekayuh, termasuk **nombor kad pengenalan, nombor kad pekerja atau nombor pasport, WAJIB** disertakan bersama-sama Borang Penyertaan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan, Setiausaha Syarikat atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa. Semua senarai nama pekayuh hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Sarawak Regatta pada atau sebelum 15 Oktober 2026 (Khamis).

- 3.7 Bagi acara yang melibatkan **Antara Bahagian**, surat rasmi daripada Pejabat Residen Bahagian yang diwakili, berserta senarai nama pekayuh, hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Sarawak Regatta pada atau sebelum 15 Oktober 2026 (Khamis).

4.0 KATEGORI PERLUMBAAN DAN YURAN PENYERTAAN

- 4.1 Kategori acara yang dipertandingkan dan yuran penyertaan setiap acara adalah seperti berikut:-

KATEGORI TEMPATAN			
KOD.	ACARA	YURAN	CATATAN
P01	PERAHU BIDAR 10 PEKAYUH CAMPURAN (8 LELAKI +2 WANITA)	RM100.00	AKHIR
P02	PERAHU BIDAR 15 PEKAYUH LELAKI	RM150.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P03	PERAHU BIDAR 20 PEKAYUH LELAKI	RM200.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P04	PERAHU BIDAR 25 PEKAYUH LELAKI	RM250.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P05	PERAHU BIDAR 25 PEKAYUH LELAKI (ANTARA BAHAGIAN)	RM200.00	AKHIR
P06	PERAHU BIDAR 30 PEKAYUH LELAKI (RAJA SUNGAI) – PIALA TYT SARAWAK	RM300.00	SARINGAN A, B, C, D DAN AKHIR
P07	PERAHU KENYALANG 10 PEKAYUH LELAKI (AGENSI/ JABATAN)	RM150.00	AKHIR
P08	PERAHU KENYALANG 10 PEKAYUH WANITA (AGENSI/ JABATAN)	RM150.00	AKHIR
P09	PERAHU KENYALANG 20 PEKAYUH LELAKI (KEMENTERIAN/ AGENSI/ GLC/ SWASTA)	RM300.00	AKHIR

KATEGORI TERBUKA			
KOD.	ACARA	YURAN	CATATAN
P10	PERAHU BIDAR 15 PEKAYUH LELAKI	RM150.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P11	PERAHU BIDAR 20 PEKAYUH LELAKI	RM200.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P12	PERAHU BIDAR 25 PEKAYUH LELAKI	RM250.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P13	PERAHU BIDAR 30 PEKAYUH LELAKI - PIALA ANTARABANGSA BORNEO	RM300.00	SARINGAN A, B, C DAN AKHIR
P14	PERAHU BIDAR 30 PEKAYUH LELAKI (MARATHON ANTARABANGSA 3 KM)	RM300.00	AKHIR
P15	PERAHU KENYALANG 20 PEKAYUH LELAKI (VIP) PIALA PREMEIR SARAWAK	RM300.00	AKHIR
P16	PERAHU KENYALANG 20 PEKAYUH CAMPURAN (15 LELAKI + 5 WANITA)	RM300.00	AKHIR
P17	PERAHU KENYALANG 20 PEKAYUH LELAKI (IPTA/IPTS)	RM300.00	AKHIR
P18	PERAHU KENYALANG 20 PEKAYUH CAMPURAN (15 LELAKI + 5 WANITA) (IPTA/IPTS)	RM300.00	AKHIR

Nota: Kadar Yuran Penyertaan adalah berdasarkan RM10.00 bagi setiap pekayuh (bagi acara melibatkan perahu bidar), manakala bagi acara melibatkan perahu kenyalang adalah RM15.00 bagi setiap pekayuh.

5.0 SENARAI PENYERTAAN

- 5.1 Pegawai atau petugas Sarawak Regatta adalah dilarang mendedahkan senarai nama peserta atau senarai penyertaan kepada mana-mana pihak sehingga tempoh pendaftaran penyertaan ditutup.
- 5.2 Urusetia Sarawak Regatta hendaklah membekalkan satu (1) salinan senarai penyertaan kepada setiap Pengurus Pasukan atau Pemilik Pasukan selepas tempoh pendaftaran penyertaan ditutup.

6.0 BANTAHAN PENYERTAAN

- 6.1 Sebarang bantahan terhadap mana-mana penyertaan atau peserta perahu lumba hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Urusetia Sarawak Regatta selewat-lewatnya empat (4) hari sebelum tarikh Regatta. Semua bantahan akan disiasat dan diputuskan oleh Jawatankuasa Regatta. Keputusan Jawatankuasa Regatta berhubung

dengan bantahan tersebut adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipertikaikan.

7.0 INSURAN

- 7.1 Setiap pasukan yang menyertai Sarawak Regatta hendaklah mendapatkan perlindungan insurans kemalangan diri (Personal Accident Insurance) atau perlindungan lain yang bersesuaian bagi semua petugas dan pekayuh di bawah tanggungjawabnya. Segala kos yang berkaitan dengan perlindungan insurans tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pasukan berkenaan.

8.0 UNDIAN

- 8.1 Cabutan undi bagi penentuan nombor lorong untuk acara saringan dan peringkat akhir hendaklah diadakan pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Regatta. Perahu yang mendapat lorong nombor 1 hendaklah berada di sebelah kiri garisan/adan permulaan apabila menghadap ke arah garisan/adan penamat. Perahu-perahu lain hendaklah mengambil tempat mengikut nombor lorong yang telah ditetapkan.
- 8.2 Hanya Pengurus Pasukan atau wakil yang diberi kuasa secara rasmi oleh Pengurus Pasukan atau Pemilik Pasukan dibenarkan hadir dan mengambil bahagian semasa proses cabutan undi.
- 8.3 Bagi kategori Perahu Kenyalang, undian pemilihan perahu akan turut menentukan nombor lorong perlumbaan.

9.0 JENIS-JENIS PERAHU

- 9.1 **PERAHU BIDAR** adalah perahu-perahu lumba yang diperbuat daripada kayu atau gentian kaca, mempunyai "TUTUP" di bahagian haluan dan buritan.
- 9.2 **PERAHU KENYALANG** adalah perahu naga yang direka bentuk menyerupai Burung Kenyalang.

10.0 IDENTIFIKASI PERAHU

- 10.1 Setiap perahu diberi nombor plat pengenalan yang disediakan oleh pihak Jawatankuasa Teknikal Regatta semasa pendaftaran. Penggunaan nama dan lambang perahu yang berunsur ganas, lucu dan sensitif adalah dilarang.
- 10.2 Nombor plat pengenalan perahu hendaklah dipasang setiap kali hendak menyertai sesuatu kategori perlumbaan. Kegagalan memasang nombor plat pengenalan atau pemasangan nombor plat pengenalan yang salah, Jawatankuasa Teknikal Regatta berhak untuk menghalang pasukan berkenaan daripada menyertai acara yang dipertandingkan.
- 10.3 Sekiranya nombor plat pengenalan terjatuh semasa perlumbaan sedang berlangsung, pasukan boleh meneruskan perlumbaan namun perlu memaklumkan petugas perlumbaan nombor plat pengenalan setelah acara selesai dilaksanakan.

11.0 LALUAN PERLUMBAAN / LORONG

- 11.1 Perlumbaan akan bermula dari kawasan sekitar Kampung Pulo dan tamat di kawasan sekitar panggung terbuka Tebingan Sungai Sarawak (Kuching Waterfront). Jarak perlumbaan bagi semua acara (*tidak termasuk Perahu Bidar 10 Pekayuh dan Perahu Kenyalang*) adalah 1800 meter, manakala bagi acara Perahu Bidar 10 Pekayuh dan semua acara melibatkan Perahu Kenyalang akan bermula di jarak 1000 meter dan tamat di tempat sama.
- 11.2 Bagi acara melibatkan acara Marathon 3 KM, Adan Permulaan adalah berhampiran Jambatan Tun Salahuddin dan akan tamat di adan penamat yang sama seperti acara lain.
- 11.3 Bagi acara Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita dan Lelaki (Agensi/Jabatan), Adan Permulaan adalah 300 meter dari Adan Penamat. Lokasi sebenar akan ditentukan oleh Pegawai Perlumbaan atau Marshal.
- 11.4 Jumlah maksimum lorong bagi setiap acara yang melibatkan **Perahu Bidar** adalah sebanyak **lapan belas (18) lorong**. Manakala, bagi acara yang melibatkan **Perahu Kenyalang**, jumlah maksimum lorong adalah sebanyak **sepuluh (10) lorong sahaja**.
- 11.5 Jawatankuasa Teknikal Regatta akan memasang garis perlumbaan rasmi di kawasan tertentu sepanjang laluan perlumbaan. Mana-mana

perahu atau pasukan yang dengan sengaja memasuki atau menggunakan laluan di luar garis perlumbaan rasmi akan dibatalkan penyertaannya. Sekiranya perahu atau pasukan berkenaan memenangi perlumbaan melalui penggunaan laluan di luar garis perlumbaan rasmi, kemenangan tersebut akan dibatalkan tanpa sebarang hak untuk mengemukakan rayuan.

- 11.6 Peraturan 11.5 tidak terpakai bagi mana-mana perahu yang memasuki garis perlumbaan rasmi akibat himpitan, pelanggaran, atau tindakan mengelak daripada pelanggaran. Walau bagaimanapun, perahu atau pasukan berkenaan hendaklah segera kembali memasuki laluan perlumbaan yang dibenarkan.

12.0 PENETAPAN KE AKHIR BAGI ACARA SARINGAN

- 12.1 Bagi kategori acara yang mempunyai tiga (3) saringan, sebanyak **LIMA (5)** pemenang bagi setiap saringan layak ke acara AKHIR.
- 12.2 Bagi kategori acara yang mempunyai empat (4) saringan, sebanyak **EMPAT (4)** pemenang bagi setiap saringan layak ke acara AKHIR.

13.0 JAKET KESELAMATAN, PAKAIAN DAN LARANGAN AM

- 13.1 Setiap peserta atau pekayuh adalah **DIWAJIBKAN** untuk menggunakan **jaket keselamatan yang dibenarkan sahaja (LAMPIRAN A)** sewaktu perlumbaan sebenar ataupun sewaktu latihan. Jaket keselamatan yang digunakan mestilah sesuai untuk aktiviti sukan regatta, iaitu direka khusus sebagai *Personal Flotation Device (PFD)* dengan daya apungan mencukupi, ringan, tidak menyerap air, membenarkan pergerakan bebas semasa mendayung.
- 13.2 Peserta juga dikehendaki memakai pakaian yang bersesuaian. Mana-mana pekayuh yang tidak menggunakan jaket keselamatan, pasukan terbabit tidak akan dibenarkan menyertai acara perlumbaan.
- 13.3 Dilarang memasang / menggunakan peralatan tambahan pada perahu yang boleh memberikan kelebihan kepada perahu berkenaan.

14.0 PENYALAHGUNAAN DADAH DAN PENGARUH ALKOHOL

- 14.1 Seseorang peserta atau pekayuh adalah **DILARANG** untuk memiliki atau mengambil mana-mana bahan terlarang yang disenaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya atau alkohol atau mana-mana bahan atau minuman atau makanan yang boleh memabukkan sepanjang Sarawak Regatta diadakan.
- 14.2 Sekiranya mana-mana peserta atau pekayuh didapati berada di bawah pengaruh bahan yang dilarang atau alkohol, Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta berhak untuk melarang peserta atau pekayuh tersebut daripada menyertai perlumbaan dan penyertaan pasukannya dalam sesuatu acara boleh **DIBATALKAN**.
- 14.3 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta mempunyai kuasa penuh termasuk membuat ujian rambang ke atas peserta untuk memastikan peraturan ini dipatuhi.

15.0 PEGAWAI PERLUMBAAN

- 15.1 Bagi melaksanakan mana-mana acara perlumbaan yang dipertandingkan di Sarawak Regatta 2026 dan memastikan perjalanan setiap acara perlumbaan berjalan dengan lancar, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta akan melantik pegawai-pegawai seperti berikut:-
- (a) Hakim;
 - (b) Marsyal;
 - (c) Umpire; dan
 - (d) Pelepas (Starter).

16.0 PENERUSI JAWATANKUASA TEKNIKAL SARAWAK REGATTA

- 16.1 Controller Lembaga Sungai-Sungai Sarawak adalah Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta.
- 16.2 Beliau bertanggungjawab dan diamanahkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta–*Kuching Waterfront Festival 2026* untuk menjalankan acara-acara perlumbaan Sarawak Regatta 2026 dengan penurunan kuasa ke atas peraturan-peraturan bersabit diamanahkan kepada mana-mana wakil rasmi atau Ahli Jawatankuasa Kecil Regatta yang lain.

17.0 PERJALANAN PERLUMBAAN [UMUM]

17.1 Perlumbaan Sarawak Regatta akan dilangsungkan mengikut ketetapan berikut;

- (a) Setiap pasukan hendaklah mematuhi Peraturan Lima Belas (15) Minit sebagaimana diperuntukkan di bawah **Peraturan 18**. Mana-mana pasukan yang perahunya tidak berada di lorong yang sepatutnya pada masa yang ditetapkan akan diberi amaran dan boleh dibatalkan penyertaannya oleh Marsyal setelah mendapat kelulusan Ketua Hakim.
- (b) Setiap perahu yang mengambil bahagian hendaklah memasang nombor plat perahu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Urusetia Sarawak Regatta. Mana-mana pasukan yang gagal mematuhi arahan ini boleh dilarang dari menyertai perlumbaan atau diberi amaran oleh Marsyal bertugas. Penetapan sama ada perahu yang gagal menyediakan nombor plat dibenar atau tidak dibenar menyertai perlumbaan adalah keputusan Ketua Hakim.
- (c) Setelah semua pasukan yang mengambil bahagian bagi satu-satu acara berada di lorong perlumbaan masing-masing dan pihak Marsyal bertugas berpuas hati bahawa semua peraturan telah dipatuhi, maka Marsyal akan mengangkat bendera **PUTIH** bagi memberi isyarat kepada Pelepas (Starter) bahawa semua perahu telah bersedia untuk dilepaskan.
- (d) Setelah menerima isyarat daripada Marsyal maka pihak Pelepas (Starter) akan menghubungi Ketua Hakim bagi memohon perlepasan bagi acara tersebut. Sebaik sahaja menerima kelulusan, Pelepas (Starter) akan memberi peringatan laungan "BERSEDIA" dan diikuti dengan satu das tembakan pistol atau bunyi hon sebagai tanda bermulanya perlumbaan acara tersebut.
- (e) Sekiranya didapati terdapat perahu yang berlepas terlebih dahulu sebelum tembakan pistol dibuat, maka Marsyal akan mengangkat bendera "MERAH" bagi memberi isyarat bahawa perlepasan adalah dibatalkan dan pelepasan semula akan dibuat.
- (f) Sekiranya terdapat mana-mana pasukan telah melanggar mana-mana syarat perlumbaan semasa perlumbaan sedang berlangsung, pihak Marsyal dan/atau umpire adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan Ketua Hakim dengan segera. Ketua Hakim akan membuat keputusan lanjut

berdasarkan maklumat yang diterima daripada Marsyal atau Umpire bertugas.

- (g) Perahu yang berlumba dikira menamatkan perlumbaan apabila bahagian hadapan perahu mencecah garisan/adan penamat. Keputusan kedudukan perahu yang mengambil bahagian bagi satu-satu acara akan ditentukan oleh Ketua Hakim dan hakim – hakim yang dilantik.

18.0 PERATURAN LIMA BELAS (15) MINIT

- 18.1 Semua peserta perahu bagi setiap acara lumba mesti berada di adan permulaan perlumbaan **lima belas (15) minit SEBELUM** acara perlumbaan dilepaskan. Ketetapan ini dipanggil “**PERATURAN LIMA BELAS MINIT**”.
- 18.2 Ketua Hakim mempunyai kuasa untuk membenarkan perlepasan dibuat dengan segera mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan di dalam jadual perlumbaan.
- 18.3 Mana-mana peserta atau pasukan yang gagal mematuhi ketetapan di atas boleh dilarang untuk menyertai acara tersebut atau dibatalkan penyertaannya.

19.0 ZON LARANGAN MEMOTONG

- 19.1 **ZON LARANGAN MEMOTONG** adalah zon di mana perahu dilarang memasuki lorong perahu lain atau menukar/mengubah alur kayuhan dari adan **permulaan hingga ke jarak 200 meter** bagi acara jarak perlumbaan 1000 meter dan 1800 meter.
- 19.2 Selepas melepasi **ZON LARANGAN MEMOTONG**, tiada perahu dibenarkan memotong laluan atau memasuki lorong perahu lain kecuali pada jarak sekurang-kurangnya sepuluh (10) meter di hadapan laluan atau perahu lumba yang hendak dipotong.
- 19.3 Sekiranya berlaku pemotongan dalam **ZON LARANGAN MEMOTONG**, maka **BENDERA MERAH** akan dikibarkan bagi menghentikan perlumbaan tersebut dan perlepasan semula akan dibuat.
- 19.4 Sekiranya berlaku pelanggaran melibatkan mana-mana perahu dalam jarak 200 meter, Pegawai Perlumbaan berhak memberhentikan acara tersebut dan perlumbaan semula akan diadakan. Namun, **sekiranya**

lima (5) buah perahu telah melepasi jarak 200 meter, sebarang perlanggaran yang melibatkan baki perahu yang masih berada dalam lingkungan 200 meter tidak akan menjejaskan perlumbaan, dan acara tersebut akan diteruskan. Tindakan disiplin akan diambil terhadap mana-mana pasukan yang menyebabkan perlanggaran berkenaan, termasuk amaran atau pembatalan penyertaan daripada acara tersebut.

- 19.5 Mana-mana perahu yang didapati melanggar ketetapan **Peraturan 19.1** sebanyak dua (2) kali dalam acara berkenaan akan **DIBATALKAN** penyertaannya dalam acara perlumbaan tersebut.
- 19.6 Mana-mana perahu yang didapati melanggar ketetapan **Peraturan 19.2**, akan dikenakan tindakan seperti berikut:-
- (a) Perahu yang terlibat akan dibatalkan penyertaannya dalam acara perlumbaan tersebut; dan
 - (b) Kemenangan perahu yang melanggar peraturan tersebut akan terbatal dan tidak diambilkira.
- 19.7 Peraturan ini tidak terpakai bagi acara perlumbaan Perahu Bidar 30 Pekayuh Lelaki Maraton Antarabangsa 3 kilometer.

20.0 KOD ETIKA / TATACARA KELAKUAN

- 20.1 Tatacara kelakuan ini terpakai secara umum kepada semua pekayuh, peserta lumba perahu, pengurus pasukan, jurulatih, penaja dan pegawai pada setiap masa sepanjang Sarawak Regatta, termasuk semasa aktiviti latihan, sesi saringan, hari perlumbaan Regatta, penyampaian hadiah serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.
- 20.2 Semua pekayuh, peserta lumba perahu, pengurus pasukan, jurulatih, penaja dan pegawai bertanggungjawab untuk memberi galakan serta memastikan dan mengekalkan semangat kesukanan yang tinggi, berkelakuan baik, bertanding secara adil dan selamat serta mengelakkan segala bentuk perlakuan yang tidak bersemangat kesukanan. Mereka juga hendaklah mengelakkan apa-apa tindakan atau perlakuan yang, pada pandangan Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta, bertentangan dengan tatacara kelakuan yang ditetapkan bagi aktiviti-aktiviti Sarawak Regatta, termasuk sesi latihan.

21.0 LARANGAN DAN KESALAHAN

21.1 Sepanjang aktiviti Sarawak Regatta 2026 berlangsung, Pengurus Pasukan, Pemilik Pasukan, pekayuh, jurulatih atau mana-mana anggota pasukan adalah **DILARANG**:

- (a) Mengeluarkan kata-kata kesat, penghinaan, bahasa atau menunjukkan tanda, isyarat dan perlakuan yang tidak sopan atau lucah terhadap Urusetia Sarawak Regatta, petugas, penonton atau pihak lawan;
- (b) Menunjukkan perasaan marah, melakukan tindakan agresif atau tidak bersemangat kesukanan, termasuk mengugut, mengancam untuk mencederakan, membaling peralatan atau objek, mencurahkan air atau melakukan apa-apa tindakan yang boleh mengancam keselamatan mana-mana individu;
- (c) Dengan sengaja melakukan sebarang pergerakan, bunyi, tindakan atau perlakuan yang bertujuan mengganggu, menghilangkan tumpuan atau melengahkan pihak lawan, termasuk melambatkan permulaan saringan atau perlumbaan Sarawak Regatta;
- (d) Mengubah suai perahu lumba, termasuk kayu pengayuh atau mana-mana bahagian struktur perahu, kecuali pengubahsuaian kecil pada bahagian kayu pengayuh yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta;
- (e) Melakukan dengan sengaja, cuai atau dengan niat jahat apa-apa tindakan yang mengakibatkan kerosakan terhadap peralatan atau harta benda Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta;
- (f) Gagal mematuhi arahan mana-mana Urusetia Sarawak Regatta yang bertugas di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta; dan
- (g) Melakukan apa-apa perbuatan lain yang boleh mengganggu kelancaran perjalanan acara, perlumbaan atau aktiviti rasmi Sarawak Regatta, atau menjejaskan keselamatan peserta, pegawai, petugas, penonton dan mana-mana pihak yang terlibat.

21.2 Sekiranya mana-mana peserta atau pasukan disyaki atau didakwa melanggar mana-mana peruntukan dalam **Peraturan Sarawak Regatta 2026**, aduan tersebut hendaklah dirujuk kepada Juri Aduan untuk didengar dan diputuskan.

- 21.3 Sekiranya peserta atau pasukan berkenaan didapati bersalah, **Juri Aduan berhak membatalkan penyertaan peserta atau pasukan tersebut daripada Sarawak Regatta 2026**, dan keputusan Juri Aduan adalah **muktamad**.

22.0 ADUAN DAN BANTAHAN

- 22.1 Mana-mana pihak boleh mengemukakan aduan sekiranya tidak berpuas hati atau mendapati bahawa seseorang pekayuh, peserta atau pasukan lumba perahu telah melakukan pelanggaran terhadap tatacara kelakuan atau mana-mana Peraturan Sarawak Regatta 2026. Semua aduan hendaklah dibuat secara bertulis dengan menggunakan **Borang Aduan Rasmi** yang boleh diperoleh daripada Urusetia Sarawak Regatta dan hendaklah diserahkan dalam tempoh tidak melebihi **tiga puluh (30) minit selepas acara perlumbaan ditamatkan**, iaitu selepas hon penamat dibunyikan. Aduan hendaklah disertakan dengan wang cagaran sebanyak **Ringgit Malaysia: TIGA RATUS SAHAJA (RM300.00)**, ditandatangani oleh pihak pengadu atau wakil pasukan dan diserahkan kepada **Urusetia Sarawak Regatta** untuk perhatian serta tindakan lanjut **Juri Aduan**.
- 22.2 Mana-mana aduan yang dikemukakan selepas tempoh yang ditetapkan, atau yang menggunakan bukti video, rakaman atau foto selain bahan bukti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta – *Kuching Waterfront Festival 2026*, atau yang tidak memenuhi ketetapan prosedur aduan, **Tidak Akan Diterima**.
- 22.3 **Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta BERHAK** untuk menolak mana-mana aduan yang, setelah diteliti, didapati tidak mempunyai asas atau bukti yang mencukupi, atau yang bersifat provokatif atau dibuat dengan niat jahat.
- 22.4 **Mendengar Aduan;**
- 22.4.1 Sebaik sahaja aduan diterima di bawah Peraturan 21.1, Ketua Hakim hendaklah memanggil Juri Aduan bagi mendengar, meneliti dan membuat keputusan berkaitan aduan tersebut.
- 22.4.2 Lokasi untuk mendengar aduan tidak puas hati akan ditentukan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta–*Kuching Waterfront Festival 2026* atau wakil. Pada masa pendengaran Aduan, hanya Pengurus Pasukan, Pengadu dan orang yang dituduh melakukan pelanggaran syarat dibenarkan hadir pada pendengaran Aduan tersebut.

- 22.4.3 Pada masa pendengaran aduan, Juri Aduan akan meneliti dan mempertimbangkan apa-apa bukti, laporan dan keterangan dari semua pihak (Pengurus Pasukan, Pengadu dan orang yang dituduh) termasuk dari Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta memandangkan ia perlu mengadili aduan dengan sempurna.
- 22.4.4 Semua keputusan Juri Aduan dibuat berdasarkan majoriti atau sebulat suara dan keputusan adalah **MUKTAMAD** (tanpa hak merayu).
- 22.4.5 Sekiranya terdapat individu lain termasuk pihak ketiga selain dari yang dibenarkan di Para 21.4.2 di atas hadir ketika aduan dikemukakan, didengar dan diputuskan oleh Juri Aduan, penyertaan pasukan yang dianggotai oleh individu terbabit atau sekiranya dapat dibuktikan individu terbabit bukan peserta atau pekayuh tetapi mempunyai kaitan dengan mana-mana pasukan, dalam sesuatu acara boleh **DIBATALKAN**.
- 22.4.6 Sebarang pertikaian atau bantahan yang timbul semasa perlumbaan hendaklah diputuskan berdasarkan bukti video, rakaman atau visual yang diperolehi daripada Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta atau mana-mana pihak yang dilantik secara rasmi oleh Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta–*Kuching Waterfront Festival 2026*. Sebarang bantahan yang dikemukakan berdasarkan sumber bukti selain daripada sumber yang telah diluluskan oleh kedua-dua Jawatankuasa tersebut adalah **Tidak Akan Diterima** dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

22.5 Juri Aduan;

- 22.5.1 Bagi maksud mendengar, meneliti dan memutuskan mana-mana aduan yang diterima, sebuah Juri Aduan yang terdiri daripada keanggotaan seperti di bawah akan dibentuk:-
- (a) Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta-*Kuching Waterfront Festival 2026* atau wakil;
 - (b) Ketua Polis Marin atau wakil (Wakil hendaklah sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor ke atas); dan
 - (c) Wakil daripada Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak atau Pengarah Jabatan Laut Sarawak atau wakil.

22.6 Wang Cagaran

22.6.1 Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan atau aduan yang dikemukakan tidak berjaya.

23.0 KUASA DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TEKNIKAL SARAWAK REGATTA

23.1 Segala persoalan berhubung kelayakan, program, mentafsir peraturan atau lain-lain perkara yang tidak dinyatakan dengan spesifik akan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta yang akan membuat keputusan muktamad dan Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, mengubah atau mengeneipkan mana-mana peraturan atau syarat yang dinyatakan pada bila-bila masa demi untuk memastikan kelancaran perjalanan Sarawak Regatta.

23.2 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta mempunyai bidang kuasa penuh ke atas apa-apa perkara yang berhubungkait dengan Sarawak Regatta dan bertanggungjawab untuk:-

- (a) Menyelaraskan dan mengawal hal-ehwal perjalanan dan pelaksanaan Sarawak Regatta 2026;
- (b) Melantik para pegawai dan petugas untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab berkaitan dengan Sarawak Regatta 2026;
- (c) Membuat peraturan khas berhubung Sarawak Regatta 2026 dan berhak meminda, menambah atau membatalkan mana-mana peraturan yang telah dibuat jika difikirkan perlu dan mengikut kesesuaian; dan
- (d) Membuat keputusan muktamad dalam semua perkara yang dipertikaikan.

24.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB HAKIM

- 24.1 Hakim akan sentiasa berada di pentas utama di garisan/adan penamat bagi semua acara perlumbaan untuk menentukan kemenangan atau kedudukan perahu-perahu yang sampai di garisan/adan penamat pada setiap perlumbaan.
- 24.2 Bagi melaksanakan tugas penghakiman, ia akan dianggotai oleh empat (4) orang petugas termasuklah seorang Ketua Hakim.
- 24.3 Ketua Hakim adalah bertanggungjawab bagi memberi arahan kepada Pelepas (Starter) di Adan Perlumbaan untuk membuat perlepasan bagi setiap acara perlumbaan yang akan dilangsungkan.
- 24.4 Barisan hakim adalah bertanggungjawab untuk mencatat dan merekod keputusan bagi setiap acara perlumbaan menggunakan borang yang disediakan dan menandatangani borang berkenaan sebelum diserahkan kepada Ketua Hakim untuk ditandatangani sebagai pengesahan. Hanya borang keputusan yang telah disah dan ditandatangani oleh Ketua Hakim sahaja boleh diumumkan oleh juruacara bertugas.
- 24.5 Isyarat menggunakan hon akan dibunyikan oleh hakim selepas perahu ke-4 atau mana-mana kedudukan yang diputuskan oleh Ketua Hakim melintasi/mencecah garisan/adan penamat bagi menandakan tamatnya satu-satu acara/ kategori perlumbaan.
- 24.6 Jika berlaku sebarang bantahan rasmi terhadap keputusan hakim bagi mana-mana acara yang dipertandingkan, maka Ketua Hakim berhak untuk menangguhkan pengumuman rasmi keputusan acara tersebut sehinggalah panel Juri Aduan bersidang dan mengeluarkan keputusan rasmi.
- 24.7 Bertanggungjawab bagi membuat rakaman video bagi semua keputusan perlumbaan.
- 24.8 Ketua Hakim hendaklah memberi keterangan, bukti dan laporan kepada Juri Aduan sekiranya terdapat aduan dari mana-mana pasukan sepanjang Sarawak Regatta dijalankan.
- 24.9 Ketua Hakim berhak membatalkan penyertaan mana-mana perahu yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan Sarawak Regatta 2026 atau/dan mengeluarkan perahu atau pasukan tersebut dari terus mengambil bahagian dalam satu-satu acara atau keseluruhan perlumbaan.

25.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UMPIRE

- 25.1 Menyelia, mengawal, mengawasi dan menentukan semua acara perlumbaan berjalan dengan lancar dan teratur dari garisan/adan permulaan hingga garisan/adan penamat.
- 25.2 Umpire adalah bertanggungjawab untuk membuat catatan pada borang laporan perjalanan bagi setiap acara berlumbaan dan borang laporan hendaklah diserahkan kepada Ketua Hakim.
- 25.3 Umpire hendaklah membawa tiga (3) warna bendera yang membawa maksud yang berasingan seperti berikut:-
- (a) Bendera Merah - berhenti atau perlumbaan dibatal
 - (b) Bendera Putih - bersedia di garisan/adan permulaan
 - (c) Bendera Hijau - Perlumbaan dengan lancar (perlepasan dan sepanjang perlumbaan)

26.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MARSHAL

- 26.1 Marsyal adalah bertanggungjawab untuk mengatur dan memastikan kesemua perahu yang mengikuti satu-satu acara perlumbaan berada di lorong yang telah ditetapkan.
- 26.2 Marsyal adalah bertanggungjawab untuk memastikan kesemua perahu yang mengambil bahagian mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu jumlah pekayuh adalah tidak kurang atau tidak melebihi jumlah yang ditentukan mengikut kategori perlumbaan, kepatuhan jantina serta memastikan kesemua perahu memasang nombor plat perahu mengikut nombor yang telah ditetapkan.
- 26.3 Marsyal adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua jurumudi perahu yang mengambil bahagian memegang tali ekor (*tali anak*) dan semua perahu dalam keadaan yang teratur dan sama lurus sebelum memberi isyarat kepada Pelepas (Starter) bahawa perlumbaan bersedia untuk dilepaskan.
- 26.4 Marsyal berhak untuk membatalkan perlepasan dan mengarah perahu-perahu dilepaskan semula jika terdapat perahu-perahu yang berlepas lebih awal daripada isyarat perlepasan yang dilaksanakan oleh Pelepas (Starter). Mana-mana perahu yang berlepas lebih awal daripada tanda

isyarat perlepasan dan enggan dilepaskan semula, perahu-perahu berkenaan akan dibatalkan penyertaannya dalam acara tersebut.

- 26.5 Marsyal adalah berhak untuk menolak penyertaan mana-mana perahu yang tidak berada di garisan/adan permulaan 15 minit sebelum bermulanya acara yang disertai.
- 26.6 Marsyal adalah bertanggungjawab untuk membuat catatan pada borang laporan perjalanan bagi setiap acara berlumba dan borang laporan hendaklah diserahkan kepada Ketua Hakim.
- 26.7 Marsyal juga adalah berhak untuk membuat pemeriksaan rambang ke atas pekayuh yang melibatkan kategori tempatan. Mana-mana pelanggaran kepada perkara tersebut hendaklah dilaporkan segera kepada Ketua Hakim.
- 26.8 Marsyal hendaklah membawa tiga (3) warna bendera yang membawa maksud yang berasingan seperti berikut:-
- (a) Bendera Merah - berhenti atau perlumbaan dibatalkan
 - (b) Bendera Putih - bersedia di garisan/adan permulaan
 - (c) Bendera Hijau - Perlepasan berjalan lancar

27.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PELEPAS (STARTER)

- 27.1 Pelepas (Starter) adalah bertanggungjawab untuk melepaskan acara perlumbaan setelah mendapat isyarat daripada Marsyal bahawa kesemua perahu yang mengambil bahagian telah bersedia dan telah mendapat arahan perlepasan daripada Ketua Hakim.
- 27.2 Pelepas (Starter) tidak boleh membuat perlepasan sekiranya belum mendapat kelulusan perlepasan daripada Ketua Hakim atau melengahkan sesuatu perlepasan yang telah diluluskan perlepasannya atau belum mendapat isyarat bersedia untuk dilepaskan daripada pihak Marsyal.
- 27.3 Pelepas (Starter) adalah bertanggungjawab untuk membuat perlepasan segera sekiranya telah mendapat arahan daripada Ketua Hakim walaupun jumlah perahu yang telah bersedia di garisan/adan permulaan belum tiba sepenuhnya.

- 27.4 Sekiranya pihak Pelepas (Starter) mendapati terdapat perahu yang lewat tiba di garisan/adan permulaan dan kedudukan perahu berkenaan didapati boleh mengganggu perjalanan perlumbaan, maka Pelepas (Starter) adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ketua Hakim akan situasi berkenaan bagi membolehkan keputusan dibuat untuk meneruskan dengan perlepasan atau menangguhkan perlepasan sehingga perahu tersebut bersedia di garisan/adan permulaan.
- 27.5 Pelepas (Starter) bertanggungjawab memberikan taklimat ringkas kepada semua perahu yang mengambil bahagian dalam sesuatu kategori acara sebelum proses perlepasan dilaksanakan.
- 27.6 Pelepas (Starter) akan melaungkan perkataan “**SEDIA**” diiringi dengan isyarat bunyi “**HON atau TEMBAKAN**” tanda permulaan perlumbaan.
- 27.7 Pelepas (Starter) berhak membatalkan perlepasan dan mengarahkan perahu-perahu untuk dilepaskan semula jika terdapat perahu-perahu yang berlepas lebih awal daripada isyarat perlepasan diberikan. Sekiranya terdapat perahu-perahu yang enggan dilepaskan semula, perahu-perahu berkenaan boleh dibatalkan penyertaannya dalam acara tersebut. Sekiranya berlaku situasi di atas, pemakluman segera kepada Ketua Hakim hendaklah dibuat agar pemakluman kepada semua petugas lain dapat dilaksanakan.
- 27.8 Pelepas (Starter) adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan pihak Hakim masa pelepasan bagi setiap acara perlumbaan yang diadakan sebaik sahaja acara berkenaan dilepaskan.

28.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS PASUKAN

- 28.1 Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab ke atas kesihatan, kebajikan dan keselamatan perahu dan para pekayuhnya.
- 28.2 Memastikan semua syarat-syarat perlumbaan di dalam **PERATURAN SARAWAK REGATTA 2026** difahami dan diikuti serta memastikan para pekayuhnya turut sama faham dan mengetahui segala syarat perlumbaan yang telah ditetapkan.
- 28.3 Memastikan semua para pekayuh yang mengambil bahagian dalam satu-satu acara berada dalam keadaan sihat dan bebas dari pengaruh alkohol atau dadah.
- 28.4 Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab untuk memastikan mana-mana perahu yang mengambil bahagian dalam sesuatu acara tiba di

adan permulaan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan juga memastikan perahu-perahu lain di bawah kawalannya yang tidak mengambil bahagian diletakkan dengan selamat di tebingan sungai bagi memastikan tiada gangguan ke atas laluan perlumbaan.

- 28.5 Menanggung segala kos pengurusan dan perjalanan para pekayuh dan wakilnya serta kos penyediaan insurans bagi kesemua para pekayuh yang akan mengambil bahagian dalam Sarawak Regatta.
- 28.6 Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab bagi menyediakan kemudahan untuk menunda perahu pasukannya ke adan permulaan bagi memastikan tempoh masa persediaan di adan permulaan dipatuhi.
- 28.7 Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ketua Hakim sekiranya pasukan mereka menarik diri dari satu-satu acara perlumbaan bagi memastikan perjalanan perlumbaan yang lancar.
- 28.8 Pengurus Pasukan adalah **WAJIB** mengisi dan menandatangani **Surat Aku Janji (LAMPIRAN B)** berkaitan pematuhan terhadap segala peraturan dan syarat yang dinyatakan dalam Peraturan Sarawak Regatta 2026.

29.0 PEMBERITAHUAN

- 29.1 Pengumuman melalui sidang akhbar atau penerbitan di tempat khalayak ramai oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta dikira notis pemberitahuan yang mencukupi.

30.0 TANGGUNGJAWAB / LIABILITI

- 30.1 Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta-*Kuching Waterfront Festival 2026* tidak bertanggungjawab ke atas kecederaan, kematian atau kerosakan kepada seseorang atau harta benda peserta semasa dan selepas Sarawak Regatta. Peserta dalam perkara ini bermaksud seseorang yang mengambil bahagian dalam acara lumba perahu atau aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta.

31.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN

31.1 Peraturan-peraturan merujuk kepada definisi-definisi berikut:

- (a) **Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta-Kuching Waterfront Festival 2026;**
Bermaksud Jawatankuasa Induk yang dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengurus, menyelaraskan, melaksanakan serta mengawasi keseluruhan penganjuran Sarawak Regatta–*Kuching Waterfront Festival 2026*, termasuk menyelia dan menyelaraskan fungsi Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta.
- (b) **Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta;**
Bermaksud Jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta–*Kuching Waterfront Festival 2026* dan dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaraskan dan mengurus aspek teknikal perlumbaan serta memastikan keselamatan di air sepanjang berlangsungnya Sarawak Regatta.
- (c) **Hakim;**
Bermaksud pegawai-pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta pada setiap tahun selaku hakim sesuatu acara perlumbaan iaitu untuk memutuskan kedudukan perahu-perahu di garisan/adan penamat berdasarkan acara saringan / acara harian Regatta.
- (d) **Umpire;**
Bermaksud pegawai-pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta pada setiap tahun untuk mengendalikan dan mengawal perlumbaan.
- (e) **Pelepas (Starter);**
Bermaksud pegawai-pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta pada tahun berkenaan untuk memulakan perlumbaan di garisan/adan permulaan.
- (f) **Marsyal;**
Bermaksud pegawai-pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta pada tahun berkenaan untuk mengendalikan dan menyusunatur perahu-perahu yang terlibat dalam perlumbaan.

- (g) **Urusetia Sarawak Regatta**
Bermaksud mana-mana pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta bagi melaksanakan urusan pendaftaran perlumbaan regatta dan lain-lain tanggungjawab yang diarah dari masa ke semasa.
- (h) **Pasukan**
Bermaksud mana-mana kumpulan perahu yang menyertai perlumbaan yang dimiliki atau diuruskan oleh orang yang sama walaupun mempunyai identifikasi atau nama perahu yang berbeza.
- (i) **Pengurus Pasukan**
Bermaksud seseorang yang diberikuasa oleh Pemilik Pasukan bagi mengurus perahu dalam perlumbaan.
- (i) **Perahu / Bot**
Bermaksud dan termasuk mana-mana perahu atau jenis perahu yang digunakan dalam perlumbaan.
- (j) **Kemalangan**
Bermaksud mana-mana perlanggaran, kejutan, kehilangan peserta atau keadaan serupa yang mengakibatkan atau kemungkinan menyebabkan kecederaan atau kematian kepada seseorang peserta atau kerosakan peralatan.
- (k) **Kod Etika Kelakuan**
Bermaksud tata etika kelakuan termaktub di bawah **Peraturan 20 dan 21**.
- (l) **Peserta**
Bermaksud mana-mana pekayuh, peserta lumba perahu, pengurus pasukan, jurulatih penaja perahu atau seseorang yang mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti Sarawak Regatta.

32.0 PEMBATALAN / REPEAL

- 32.1 Dengan berkuatkuasanya **Peraturan Sarawak Regatta 2026**, semua peraturan-peraturan rasmi Sarawak Regatta terdahulu dengan sendirinya tidak sah dan terbatal (*Null and Void*).

33.0 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TAMBAHAN

33.1 Syarat Penyertaan Bagi Kategori IPTA dan IPTS

- 33.1.1 Kategori IPTA/ IPTS penyertaan terbuka kepada pelajar dan kakitangan IPTA/ IPTS yang terlibat. Mana-mana pasukan IPTA/ IPTS boleh mengambil mana-mana pekayuh dari luar Sarawak dengan syarat peserta tersebut merupakan pelajar dan kakitangan IPTA/ IPTS berkenaan.
- 33.1.2 Senarai nama dan pengenalan pekayuh hendaklah disahkan oleh pegawai yang diberikuasa di IPTA/ IPTS berkenaan beserta Borang Penyertaan yang dikemukakan kepada Urusetia Sarawak Regatta.

33.2 Syarat Penyertaan Bagi Bidar 20 Pekayuh Lelaki (Antara Bahagian)

- 33.2.1 Mana-mana pasukan yang ingin menyertai kategori di atas, perlu mengemukakan surat bertulis dari Pejabat Residen Bahagian yang diwakili sewaktu mengemukakan Borang Penyertaan.
- 33.2.2 Penyertaan adalah terhad kepada 12 buah pasukan sahaja dan terbuka kepada **PEKAYUH TEMPATAN** sahaja. Setiap borang penyertaan yang dikemukakan hendaklah dikepilkan bersama nama dan nombor kad pengenalan pekayuh.
- 33.2.3 Satu Bahagian hanya boleh diwakili oleh satu pasukan sahaja. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih pasukan mewakili Bahagian yang sama, maka penyertaan terawal dianggap mewakili Bahagian berkenaan dan penyertaan pasukan yang satu lagi tidak akan diterima.

33.3 Syarat Penyertaan Bagi Perahu Kenyalang 20 Pekayuh Lelaki (Kementerian/ Agensi/ GLC/ Swasta)

- 33.3.1 Penyertaan adalah berdasarkan kepada surat jemputan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta- *Kuching Waterfront Festival 2026* kepada Kementerian/ Agensi/ GLC/ Swasta di Sarawak dan penyertaan adalah **terhad kepada 10 pasukan sahaja**. Setiap Kementerian/ Agensi/ GLC/ Swasta hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan sahaja.

- 33.3.2 Pekayuh bagi kategori ini hendaklah terdiri dari pekerja atau staff kementerian/agensi berkenaan sahaja. Senarai nama pekayuh dan identifikasi (nombor kad pengenalan atau kad pekerja) yang telah disahkan oleh Kementerian/ Agensi/ GLC/ Swasta hendaklah dikemukakan bersama Borang Penyertaan sepertimana yang dinyatakan di dalam **Peraturan 3.6**.

33.4 Syarat Penyertaan Bagi Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Lelaki Dan 10 Pekayuh Wanita (Agensi/ Jabatan)

- 33.4.1 Penyertaan adalah berdasarkan surat jemputan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta– *Kuching Waterfront Festival 2026* kepada agensi atau jabatan yang terlibat. Penyertaan adalah **terhad kepada 10 pasukan sahaja**. Setiap agensi atau jabatan hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan sahaja.
- 33.4.2 Pekayuh bagi kategori ini hendaklah terdiri dari pekerja atau staff agensi dan jabatan sahaja. Senarai nama pekayuh dan identifikasi (nombor kad pengenalan atau kad pekerja) yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/Wakil agensi atau Jabatan hendaklah dikemukakan bersama Borang Penyertaan Rasmi sepertimana yang dinyatakan di dalam **Peraturan 3.6**.
- 33.4.3 Bagi acara melibatkan 10 Pekayuh Wanita, pihak Agensi atau Jabatan **DIBENARKAN** menggunakan seorang pengemudi lelaki yang bukan kakitangan Agensi atau Jabatan.
- 33.4.4 Jarak Perlumbaan bagi kedua-dua kategori ini adalah 300 meter dan perlepasan akan dibuat **TANPA** menggunakan tali Adan Permulaan. Setiap pekayuh hendaklah mengangkat pengayuh masing-masing sebelum perlumbaan dilepaskan oleh Pegawai Perlumbaan **KECUALI** Pengemudi dan pekayuh paling hadapan.

33.5 Penglibatan Pekayuh di Bawah Umur Lapan belas (18) Tahun

- 33.5.1 Mana – mana pekayuh di bawah umur lapan belas (18) tahun mestilah disertakan dengan surat kebenaran ibubapa atau penjaga. Salinan kad pengenalan ibu bapa atau penjaga hendaklah disertakan dengan bersama surat kebenaran berkenaan.
- 32.5.2 Penglibatan pekayuh di bawah umur lapan belas (18) tahun adalah tanggungjawab sepenuhnya Pengurus Pasukan dan

memastikan kesemua pekayuh yang terlibat sihat dan mematuhi segala syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam peraturan ini.

33.6 Jadual Perlumbaan

32.6.1 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta berhak untuk mengubah jadual perlumbaan tertakluk kepada kesesuaian, jika perlu pada bila-bila masa.

33.7 Kuasa Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta Berhubung Penyertaan

33.7.1 Mana-mana kategori acara yang mana jumlah penyertaannya adalah kurang dari **lima (5)** selepas tarikh tutup penyertaan, maka kategori acara berkenaan akan **digugurkan kecuali** bagi acara-acara seperti berikut:

- Perahu Kenyalang 20 Pekayuh Lelaki IPTA/IPTS (Terbuka);
- Perahu Kenyalang 20 Pekayuh Campuran (15L+5W) IPTA/IPTS (Terbuka);
- Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Lelaki (Agensi/ Jabatan) (Tempatan); dan
- Perahu Kenyalang 10 Pekayuh Wanita (Agensi/ Jabatan) (Tempatan).

33.7.2 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta berhak untuk melakukan pemeriksaan mengejut ke atas semua Pekayuh bagi memastikan pematuan syarat yang ditetapkan. Sekiranya didapati mana-mana pasukan gagal mematuhi syarat tersebut, penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan pasukan tersebut dan sekiranya pasukan tersebut memenangi mana-mana perlumbaan, penganjur **BERHAK** untuk membatalkan kemenangan pasukan tersebut. Kaedah pemeriksaan yang bersesuaian akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta.

33.8 Kuasa Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta Bagi Meminda, Menambah atau Membatalkan Mana-Mana Peraturan

33.8.1 Jawatankuasa Teknikal Sarawak Regatta berhak melakukan pindaan, pertambahan atau pembatalan ke atas mana – mana peraturan Sarawak Regatta 2026 jika pada hematnya adalah perlu bagi kelancaran perjalanan Sarawak Regatta 2026.


33.8.2 Sebarang pindaan, pertambahan dan pembatalan akan dimaklumkan kepada semua Pengurus Pasukan yang terlibat.

Disediakan Oleh:




En. Julaihi Bin Shahmad
Asst. Controller (Enforcement & Legal)
Merangkap Ketua Hakim
Jawatankuasa Teknikal Sarawak
Regatta 2026

Disemak Oleh:



Lt. Kol. Ding Tiew Wong (Bersara)
Controller,
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Teknikal Sarawak
Regatta 2026

Disahkan Oleh:



Puan Dayang Hajah Joanita Azizah binti Abang Haji Morshidi
Residen Bahagian Kuching
Merangkap Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Pengelola Sarawak Regatta-Kuching Waterfront Festival 2026

Tarikh: 28 Ogos 2026

CONTOH

JAKET KESELAMATAN YANG DIBENARKAN



JAKET KESELAMATAN YANG **TIDAK**
DIBENARKAN



SURAT AKU JANJI
PEMATUHAN PERATURAN DAN SYARAT SARAWAK REGATTA 2026

Saya, _____, No. K/P: _____,
selaku **Pengurus Pasukan** bagi _____,
dengan sesungguhnya **mengaku, memahami dan berjanji** bahawa saya
akan:

1. **Mematuhi sepenuhnya** segala peraturan, syarat, arahan, ketetapan dan keputusan yang ditetapkan di bawah **Peraturan Sarawak Regatta 2026**.
2. Memastikan semua peserta, atlet, jurulatih, pegawai dan anggota pasukan di bawah tanggungjawab saya **memahami dan mematuhi** segala peraturan dan syarat pertandingan yang telah ditetapkan.
3. Bertanggungjawab untuk memastikan **tingkah laku, disiplin dan pematuhan** semua anggota pasukan berada pada tahap yang ditetapkan oleh pihak penganjur sepanjang tempoh Sarawak Regatta 2026.
4. Mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh **Jawatankuasa Penganjur, Urus Setia, Pegawai Pertandingan, Ketua Pegawai atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa** dari semasa ke semasa.
5. Mengakui bahawa pihak penganjur berhak mengambil **tindakan sewajarnya**, termasuk amaran, penalti, pembatalan penyertaan, penyingkiran atau tindakan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan Sarawak Regatta 2026**, sekiranya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana peraturan atau syarat yang ditetapkan.
6. **Menerima dan menghormati segala keputusan** yang dibuat oleh pihak penganjur, pegawai pertandingan, juri atau mana-mana badan yang diberi kuasa, tertakluk kepada peruntukan mengenai bantahan atau rayuan yang dinyatakan dalam **Peraturan Sarawak Regatta 2026**.

7. Tidak melakukan atau membenarkan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan **kelancaran pertandingan, keselamatan peserta, integriti pertandingan atau imej Sarawak Regatta 2026.**
8. Mengambil maklum bahawa **ketidakpatuhan terhadap Surat Aku Janji ini atau mana-mana peruntukan dalam Peraturan Sarawak Regatta 2026** boleh menyebabkan pasukan atau mana-mana anggotanya dikenakan tindakan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah **membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi** segala peraturan dan syarat yang dinyatakan dalam **Peraturan Sarawak Regatta 2026** serta menerima tanggungjawab saya sebagai Pengurus Pasukan.

Saya membuat aku janji ini dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab serta bersetuju untuk memastikan pasukan yang saya wakili mematuhi segala peraturan dan syarat yang telah ditetapkan.

Yang benar,

Tandatangan: _____

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Jawatan: **Pengurus Pasukan**

Nama Pasukan: _____

No. Pendaftaran Pasukan: _____

Tarikh: _____

PENGESAHAN PIHAK PENGANJUR

Nama Pegawai: _____

Jawatan: _____

Tandatangan: _____

Tarikh: _____